

02 NOV 2000

Sukan-LTdL

PASUKAN SEPANYOL DAN PORTUGAL ANTARA YANG DIUNDANG

LANGKAWI, 2 Nov (Bernama) -- Dua pasukan, masing-masing satu dari Sepanyol dan Portugal, adalah antara pasukan baru yang diundang bagi memeriahkan Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi 2001, pada 4 hingga 18 Feb, tahun depan.

Pengerusi eksekutif First Cartel Sdn Bhd, Datuk Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim berkata jemputan kepada kedua-dua pasukan profesional itu telah dihantar dan jawapannya dijangka diketahui sebelum tarikh tutup kejohanan, penghujung bulan ini.

"Kita berharap kedua-dua pasukan dapat menyertai edisi keenam kejohanan ini nanti," katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa penyelarasan Tour de Langkawi 2001 peringkat Langkawi di sini, hari ini.

Kejohanan yang mengandungi 12 peringkat itu membabitkan sejauh 1,838 kilometer, dan menjadikannya antara perlumbaan terbaik dan terulung di Asia.

Beliau berkata sebuah pasukan profesional dari Perancis, Credit Agricole, yang mempunyai ranking dunia, turut diundang buat pertama kali dan telah menyatakan kesediaan untuk datang.

Wan Lokman yakin 13 pasukan profesional yang pernah mengambil bahagian pada kejohanan lepas akan turut beraksi pada LTdL 2001.

Ia termasuk Saturn dan Mercury dari Amerika Syarikat, Linda McCartney (Britain), Bonjour dan Big Mat (Perancis), Cantina Tollo, Mapei dari Itali, Gerolsteiner (Jerman) dan Collstrop (Belgium).

Semua undangan telah dihantar kepada pasukan terbabit dan pihak penganjur sedang menunggu jawapan mereka sahaja, katanya.

Selain itu, pasukan kebangsaan dari Asia termasuk Malaysia, Indonesia, Filipina, China, Jepun dan Afrika Selatan, Kanada dan Denmark juga diundang.

Kejohanan kali ini menjanjikan persaingan sengit kerana beberapa laluan baru telah dimasukkan pada kejohanan yang menawarkan hadiah bernilai lebih RM1 juta itu.

Katanya beberapa negeri yang tidak dilalui sebelum ini seperti Kelantan dan Terengganu turut dimasukkan dalam laluan perlumbaan yang akan melalui tiga pendakian tinggi.

Walaupun masih mengekalkan 25 pasukan, jumlah pelumba telah ditambah dari enam kepada tujuh bagi setiap pasukan.

Juga buat pertama kali, acara perasmian kejohanan akan dibuat di luar dan bukan lagi di dewan seperti tahun sebelum ini.

Dataran Lang, mercu tanda Langkawi, dipilih sebagai tempat upacara perasmian LTdL 2001 dengan pelbagai acara sampingan sedang diatur oleh penganjur, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan kejohanan itu.

-- BERNAMA

ZI NH ZB